



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12/2/2011

## Memang saya jumpa Kit Siang - Tun M

SHAH ALAM 11 Feb. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, beliau memang ada menemui Penasihat DAP, Lim Kit Siang bagi memberi jaminan yang pemimpin pembangkang itu tidak akan ditahan di bawah Operasi Lalang 1987.

Beliau berkata, pertemuan yang turut dihadiri sekumpulan pemimpin pembangkang lain yang merupakan rakan-rakan Kit Siang itu dibuat bagi menjelaskan mengenai kekhawatiran yang timbul mengenai nasib mereka ketika itu.

"Saya masih ingat saya jumpa Kit Siang dan kawan-kawannya.

"Saya fikir mereka tak akan dimasuk dalam tahanan tapi pihak polis berpendapat mereka berbahaya dan polis ambil tindakan untuk tahan mereka," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu diminta mengulas mengenai penafian Kit Siang sebelum ini bahawa beliau pernah mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir bagi membincangkan mengenai jaminan semasa ditahan dalam operasi itu.

Malah, Kit Siang turut mencabar Dr. Mahathir dalam sebuah portal kelmarin agar mendedahkan nama pemimpin pembangkang yang ditemuinya ketika Operasi Lalang.